

SOALAN NO: 87

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATUK KOH KNAI KWONG

TARIKH: 18 MEI 2016

SOALAN:

Datuk Koh Knai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik kes yang dilaporkan dan tindakan serta apakah tindakan Kementerian kepada institut berkaitan Kerajaan yang tidak mematuhi Akta Pekerja 1995 dengan tidak membayar carum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja dan bentuk saluran untuk mengemukakan aduan.

PR-1342-L74483

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Akta Kerja 1955 adalah undang-undang buruh utama yang mengawal hubungan antara majikan dan pekerja di sektor swasta. Undang-undang ini terpakai kepada semua syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 termasuklah syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan atau '*Government Link Companies*' (GLC). Pekerja-pekerja yang digaji oleh syarikat-syarikat GLC adalah tertakluk di bawah Akta Kerja 1955 mengikut definisi pekerja di bawah Seksyen 2 dan Jadual Pertama Akta Kerja 1955. Di antara syarikat berkaitan kerajaan yang dikenali adalah seperti Petronas, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia, Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Pos Malaysia, SIRIM Berhad, CIMB Bank, UMW, Proton, Perodua, Malaysia Airlines Berhad (MAB), Sime Darby Berhad dan sebagainya.

2. Akta ini mengandungi peruntukan-peruntukan mengenai hak-hak pekerja dan standard-standard minimum penggajian seperti peruntukan berkaitan tempoh bayaran gaji, kelayakan gaji kerja lebih masa hari biasa, hari cuti rehat dan cuti am, pengiraan kadar upah biasa, kelayakan mendapat cuti tahunan, cuti sakit dan cuti am, kelayakan mendapat gaji ganti notis dan faedah penamatan kerja bagi pekerja yang ditamatkan perkhidmatan, kewajipan majikan memberikan sesalinan kontrak perkhidmatan dan penyata gaji

kepada pekerja dan lain-lain peruntukan lain di bawah Akta Kerja 1955 serta peraturan-peraturan lain yang berkaitan dengannya.

3. Pihak Kementerian memandang serius sebarang aduan berkaitan pelanggaran peruntukan Akta tersebut sama ada yang dibangkitkan oleh pekerja sendiri, melalui organisasi atau kesatuan sekerja, atau melalui pihak ketiga seperti Badan Bukan Kerajaan (NGO), sama ada secara langsung atau tidak langsung, atau melalui media. Siasatan akan dijalankan tanpa mengambilkira status seseorang majikan dan tindakan sewajarnya juga akan diambil bagi memastikan hak-hak pekerja dilindungi sepenuhnya.

4. Setiap aduan yang diterima akan disiasat dan sekiranya didapati berasas, tindakan pembetulan akan dilakukan melalui pengeluaran Notis Pematuhan bagi memperbetulkan kesalahan tersebut. Sekiranya majikan enggan mematuhi Notis Pematuhan yang dikeluarkan, tindakan pendakwaan atau kompaun akan dimulakan terhadap majikan. Bagi kesalahan serius seperti kegagalan atau kelewatan membayar gaji, biasanya tindakan pendakwaan akan terus diambil sekiranya siasatan mendapati kesalahan ini disengajakan.

5. Sekiranya aduan yang diterima adalah mengenai kekurangan bayaran atau kegagalan majikan membayar sebarang amaun atau sebahagian amaun yang pekerja layak di bawah Akta Kerja 1955, pekerja akan dinasihatkan untuk memfailkan tuntutan Kes Buruh yang mana kes tuntutan ini akan dibicarakan di Mahkamah Buruh.

6. Berdasarkan statistik Jabatan Tenaga Kerja, bilangan aduan yang dilaporkan ke atas syarikat atau anak syarikat GLC adalah sebanyak 55 kes di mana 19 kes adalah aduan berasas manakala 36 kes adalah tidak berasas. Bagi laporan yang melibatkan tuntutan kes buruh, sebanyak 30 kes telah dikendalikan di mana 11 kes telah diperintahkan bayar. Buat masa ini, tiada tindakan pendakwaan dibuat terhadap syarikat atau anak syarikat GLC kerana tidak mematuhi peruntukan Akta Kerja 1955. Notis pembedahan bagi kes aduan telah dikeluarkan di mana pihak majikan telah mematuhi. Manakala bagi tuntutan kes buruh pula lebih melibatkan persoalan undang-undang bukannya pelanggaran undang-undang oleh majikan.

Tuan Yang Di Pertua,

7. Di samping itu, PERKESO adalah agensi yang bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4). Mana-mana majikan termasuk institut berkaitan Kerajaan yang gagal mendaftar perusahaan dan mencarum kepada PERKESO boleh dikenakan tindakan kompaun atau pendakwaan. Mulai tahun 2007 sehingga 31 Disember 2015 sebanyak 27,449 kompaun telah dikeluarkan terhadap kegagalan mendaftar perusahaan dan membayar caruman, dan sejumlah 10,446 kes pendakwaan telah diambil terhadap kesalahan yang sama. Bentuk saluran untuk mengemukakan aduan adalah;

(i). Talian Khidmat Pengurusan Pelanggan (CRM) 1-300-22-8000;

- (ii). Menerusi SMS kepada Aduan 15888;
- (iii). Website PERKESO secara online E-Aduan:
www.perkeso.spab.gov.my;
- (iv). Dengan aplikasi mudah alih (Android): i-Perkeso, dan;
- (v). Datang sendiri ke 50 Pejabat-Pejabat PERKESO di seluruh Negara.